

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 Latar Belakang Kajian

Hasrat Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 mendapat sokongan daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Bagi menyahut hasrat kerajaan institusi pengajian tinggi di Malaysia merangka semula strategi dan polisi untuk memenuhi permintaan dalam menghasilkan graduan yang berkaliber dan mempunyai profesionalisme yang penting untuk pertumbuhan ekonomi.<sup>1</sup> Justeru itu, sehingga tahun 2010 terdapat 20 buah IPTA di Malaysia yang menyediakan peluang kepada para pelajar melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi. Pengambilan pelajar di IPTA pada tahun 2010 seramai 167,159 berbanding 153,470 orang pada tahun 2009 iaitu peningkatan seramai 13,689 atau 8.2 peratus.

Pertambahan bilangan pelajar ke IPT disebabkan oleh ramai pelajar memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM dan STPM. Pada tahun 2010 sahaja keputusan SPM mencatatkan seramai 9,239 pelajar mendapat gred cemerlang. Manakala pelajar yang menduduki Peperiksaan STPM pada tahun 2010 mencatatkan seramai 33,555 orang memperoleh 3 hingga 5 mata pelajaran dengan kelulusan penuh.<sup>2</sup> Penubuhan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) telah menyediakan tempat untuk ramai pelajar lepasan sekolah

<sup>1</sup> David Morris, Arzmi Yaakob dan Geoff Wood “Attitudes Towards Pay and Promotion in the Malaysian Higher Educational Sector,” *Employee Relations* 26, no.2 (2004), 138.

<sup>2</sup> “Bilangan Calon Lulus Penuh 1 hingga 5 Mata Pelajaran STPM Tahun 2009 dan 2010, laman sesawang Majlis Peperiksaan Malaysia, dikemaskini 23 Mei 2013, dicapai 28 Mei 2012, <http://www.mpm.edu.my/bilangan-calon-lulus-penuh-1-hingga-5-mata-pelajaran-stpm-tahun-2009-dan-2010>.

meneruskan pengajian pada peringkat tinggi demi meneruskan cita-cita ke menara gading. Walau bagaimanapun untuk melanjutkan pelajaran di IPT memerlukan pembiayaan berterusan dari segi yuran, penginapan, kos sara hidup dan lain-lain. Memandangkan bilangan pelajar cemerlang semakin meningkat kerajaan tidak mampu membiayai kesemua pelajar dalam bentuk biasiswa. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) hanya menawarkan biasiswa kepada seramai 4000 orang pelajar cemerlang SPM 2010 di mana 1,500 biasiswa di bawah Program Ijazah Luar Negara dan 2,500 biasiswa di bawah Program Ijazah dalam negara. JPA telah memperuntukkan RM1.44 bilion dengan pecahan RM0.36 bilion bagi pengajian dalam negara dan RM1.08 bilion bagi pengajian luar negara.<sup>3</sup>

Apabila bilangan pelajar sentiasa bertambah ke IPT pada setiap tahun telah menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan di antara bilangan pelajar dan biasiswa yang disediakan oleh pihak kerajaan. Kerajaan banyak membiayai pendidikan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi melalui pemberian biasiswa dari tahun-tahun 1979 sehingga tahun pertengahan 90an. Sebagai contoh, pada tahun 1981/82, seramai 20,844 orang pelajar atau 66.7 peratus daripada 30,844 orang pelajar di lima buah universiti mendapat biasiswa kerajaan atau badan berkanun. Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) merupakan antara agensi kerajaan yang menawarkan biasiswa kepada pelajar IPTA dalam bidang Perubatan, Farmasi, Kejuruteraan, Sains dan Teknologi. Selain itu, Dewan Bahasa dan Pustaka turut menawarkan biasiswa kepada pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang Kesusastraan dan bahasa Melayu.

---

<sup>3</sup> JPA Telah Tawarkan 4,000 Biasiswa Kepada Pelajar Cemerlang SPM”, laman sesawang mStar Online, dikemaskini 30 Mac 2013, dicapai 13 Jun 2011, [http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/6/13/mstar\\_berita/20110613133141&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/6/13/mstar_berita/20110613133141&sec=mstar_berita).

Terdapat beberapa sumber kewangan bagi membantu pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi, antaranya adalah pemberian biasiswa/dermasiswa oleh kerajaan, badan berkanun, atau pihak swasta, pinjaman, bantuan kewangan keluarga dan simpanan sendiri.<sup>4</sup> Selain daripada JPA terdapat juga pihak-pihak lain yang menawarkan biasiswa kepada pelajar cemerlang lain seperti syarikat berkaitan kerajaan GLC, kerajaan negeri dan swasta. Walau bagaimanapun, sehingga kini majoriti pelajar yang melanjutkan pengajian ke IPT dibiayai melalui pinjaman oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang dikenali dengan singkatan PTPTN yang ditubuhkan sejak 1997.

Penubuhan PTPTN pada 1 Julai 1997 di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Akta 566) dapat mengurangkan beban kewangan pelajar melanjutkan pengajian ke menara gading dan PTPTN menjadi sumber utama pembiayaan pendidikan di Malaysia.<sup>5</sup> Sehingga 30 Jun 2010, PTPTN telah meluluskan pinjaman sebanyak 1,318,135 orang meningkat sebanyak 13.1% berbanding 1,318,135 orang pada tahun 2008.<sup>6</sup>

Salah satu badan yang terlibat secara langsung menawarkan biasiswa kepada pelajar cemerlang adalah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang dikendalikan oleh Bahagian Baitulmal. Baitulmal merupakan salah satu bahagian utama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang ditubuhkan mengikut Seksyen 60(1). Melalui Unit Pembangunan Akademik wang zakat kemudiannya telah diagihkan kepada pelajar-pelajar

<sup>4</sup> Charil Marzuki *Dasar dan Alternatif Pembiayaan Pendidikan di Malaysia: Satu Saranan dan Cadangan* (Universiti Malaya, In: Inaugural Lecture, 2007), 25.

<sup>5</sup> Elistina Abu Bakar et.al, (2006), “Knowledge, Attitude and Perceptions of University Students Towards Educational Loans in Malaysia”, *Journal of Family and Economic Issues* 27, (2006), 693.

<sup>6</sup> “PTPTN Biayai 1.32 Juta Pelajar,” laman sesawang PTPTN, dicapai 30 Mei 2012, [http://www.ptptn.gov.my/docs/Berita\\_PTPTN/BERITA%20HARIAN\\_140110.pdf](http://www.ptptn.gov.my/docs/Berita_PTPTN/BERITA%20HARIAN_140110.pdf).

di peringkat tadika, sekolah rendah sehingga pengajian tinggi. Bagi pelajar yang berada di IPT terdapat tiga bentuk bantuan iaitu bantuan am pelajaran, pemberian biasiswa dan bantuan persediaan IPT.<sup>7</sup> Biasiswa yang disediakan kepada pelajar cemerlang ini adalah Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang.

### **1.1 Permasalahan Kajian**

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan melalui bahagian Baitulmal telah menawarkan bantuan zakat kepada pelajar-pelajar cemerlang dengan menganugerahkan Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang untuk meneruskan pengajian di universiti tempatan mahupun luar negara. Pemberian biasiswa kepada pelajar cemerlang ini mula diperkenalkan pada tahun 2006 untuk melanjutkan pelajaran di IPTA dalam negara. Agihan bantuan zakat dalam bentuk pemberian biasiswa ini melibatkan asnaf fisabilillah tanpa mengira kedudukan kewangan keluarga para pemohon tetapi berdasarkan keputusan cemerlang pelajar di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Agama Malaysia dan Diploma. Dari tahun 2006 sehingga tahun 2009, pihak MAIWP telah menawarkan biasiswa kepada 119 orang pelajar dalam negara dengan peruntukan sebanyak RM627,061.50. Manakala tawaran biasiswa kepada pelajar luar negara bermula tahun 2007. Jumlah pelajar yang ditaja sehingga tahun 2009 seramai 93 orang dengan jumlah tajaan sebanyak RM 3,362,800.00.

---

<sup>7</sup> Laman sesawang MAIWP, dikemaskini 30 Januari 2013, dicapai 22 Oktober 2009, <http://www.maiwp.gov.my/maiwp/index.php/perkhidmatan/bantuan-zakat-maiwp>.

Pada tahun 2009 sebanyak RM796,800.00 telah diperuntukkan kepada 22 orang pelajar yang melanjutkan pelajaran di Mesir. Manakala pelajar yang melanjutkan pelajaran di dalam negara pula seramai 9 orang dengan peruntukan sebanyak RM35,000.00.<sup>8</sup> Pada tahun 2011 MAIWP telah membelanjakan USD1.5 juta untuk menghantar seramai 150 orang pelajar cemerlang ke luar negara.<sup>9</sup> Bagi meneruskan bantuan zakat kepada pelajar cemerlang, MAIWP telah merencanakan program enam tahun bermula 2009 hingga 2015 untuk melahirkan generasi yang berilmu dan komited. Pelajar-pelajar ini diharapkan akan dapat menabur semula bakti kepada agama, bangsa dan negara. Para pelajar yang menerima biasiswa ini mempunyai tanggungjawab yang besar untuk memastikan mereka sentiasa cemerlang dalam akademik sehingga menamatkan pengajian masing-masing.

Kecemerlangan akademik merupakan matlamat utama kebanyakan pelajar di IPT dan ia merupakan alat pengukur yang menentukan tahap seseorang menguasai ilmu yang dipelajari. Justeru, kajian perlu dilakukan untuk melihat pencapaian akademik penerima biasiswa ini. Lebih-lebih lagi sumber kewangan yang digunakan adalah daripada wang zakat. Selain perbincangan mengenai pencapaian akademik pelajar di universiti, masalah kewangan juga turut diambil kira. Namun, perkara berkaitan penyalahgunaan wang biasiswa kurang diperkatakan. Ini kerana bilangan penerima biasiswa adalah lebih kecil daripada pelajar yang menerima pinjaman seperti PTPTN.

---

<sup>8</sup> Ahmad Fadli bin Adam (Penolong Pengurus, Unit Pembangunan Akademik IPT, Bahagian Baitulmal, MAIWP), dalam temu bual dengan penulis, 31 Mac 2010.

<sup>9</sup> Buletin MAIWP, “Lebih USD1.5 Juta Zakat Dibelanjakan Bagi Biasiswa”, Januari 2012, (Kuala Lumpur: MAIWP),12.

Walau bagaimanapun, penerima biasiswa atau pinjaman berada dalam situasi yang sama iaitu perlu menggunakan wang dengan sebaik-baiknya untuk tujuan pengajian. Menurut laporan akhbar Berita Harian bertarikh 8 Julai 2010 terdapat sebahagian pelajar yang menerima pinjaman PTPTN dikatakan menggunakan wang pinjaman dengan membeli pakaian mewah dan telefon bimbit, berpelesiran dan melabur dalam skim cepat kaya sebaik menerima wang pada awal semester. Kesannya, pelajar menghadapi masalah kewangan sehingga menjaskan tumpuan kepada pelajaran. Menurut Pengerusi PTPTN, Datuk Dr Mohammad Shahrum Osman pemberian pinjaman kepada para pelajar berdasarkan kepada perkiraan dalam pelbagai aspek termasuk tahap sosioekonomi pelajar. Sikap pelajar yang kurang berhemah berbelanja dikaitkan dengan wang yang tidak mencukupi.<sup>10</sup> Situasi yang sama juga akan berlaku kepada pelajar yang menerima Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang di mana wang zakat itu sepatutnya dibelanjakan secara berhemah.

Salah satu perkara yang berkaitan dengan pencapaian akademik ialah aspek pemantauan oleh pihak Baitulmal MAIWP. Pemantauan terhadap pencapaian akademik sangat penting sebagai salah satu cara mengawasi pelajar supaya sentiasa mengambil berat terhadap pelajaran dan kekal cemerlang sehingga tamat pengajian. Pemantauan terhadap penggunaan wang biasiswa juga perlu dilakukan untuk memastikan wang biasiswa digunakan dengan baik sehingga akhir semester. Memandangkan pembiayaan biasiswa ini daripada wang zakat maka ia menjadi pendorong kepada pengkaji untuk menjalankan kajian terhadap pelajar yang menerima bantuan Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang.

---

<sup>10</sup> Nik Sukri Ramly, “Pinjaman Pendidikan Ramai Pelajar Salah Guna, Tidak Rancang Perbelanjaan” laman sesawang PTPTN, dikemaskini 3 April 2013, dicapai 1 Julai 2011, [http://www.ptptn.gov.my/docs/Berita\\_PTPTN/BERITA%20HARIAN\\_08071](http://www.ptptn.gov.my/docs/Berita_PTPTN/BERITA%20HARIAN_08071).

## **1.2 Persoalan Kajian.**

1. Apakah tahap pencapaian akademik penerima Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang yang telah tamat dan yang masih aktif dalam pengajian?
2. Adakah terdapat perbezaan antara lelaki dan perempuan dalam pencapaian akademik dalam kalangan penerima Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang?
3. Bagaimanakah pencapaian akademik penerima Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang berdasarkan bidang pengajian?

## **1.3 Objektif kajian.**

1. Menilai tahap pencapaian akademik penerima wang Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang yang telah menamatkan pengajian dan yang masih aktif dalam pengajian.
2. Mengetahui pencapaian akademik penerima Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang pelajar berdasarkan jantina dan bidang pengajian.

## **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian ini mampu memberikan sumbangan kepada bahagian Baitulmal MAIWP untuk penambahbaikan dalam menguruskan bantuan pelajar cemerlang di IPT sama ada di dalam negara ataupun luar negara. Pihak Baitulmal MAIWP boleh melihat keberkesanan bantuan zakat yang diberikan melalui pencapaian akademik pelajar. Di samping itu, ia juga dapat membantu Baitulmal menilai semula peruntukan yang bersesuaian dengan keperluan pelajar supaya mereka dapat belajar dengan selesa tanpa memikirkan masalah kewangan.

Selain itu, kajian ini juga dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat bahawa agihan zakat kepada golongan asnaf bukan hanya untuk memenuhi keperluan had kifayah bahkan turut menyumbang kepada pendidikan negara. Seterusnya melalui kajian ini masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan mendapat informasi bahawa Baitulmal turut menyediakan skim bantuan biasiswa kepada pelajar cemerlang yang tidak berpeluang menerima biasiswa daripada kerajaan kerana persaingan sengit dalam kalangan pemohon.

## **1.5 Skop dan Batasan Kajian**

Kajian ini secara khusus dijalankan di Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Salah satu skim bantuan yang diwujudkan untuk membantu asnaf faisabilillah ialah Biasiswa Insentif Pelajar Cemerlang di IPT dalam dan luar negara. Namun kajian ini memfokuskan kepada pelajar yang ditawarkan ke IPTA dalam negara. Seterusnya para penerima Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang yang terlibat dalam kajian ini merupakan pelajar yang masih meneruskan pengajian pada tahun 2010 di IPTA dalam negara di sekitar Kuala Lumpur, Selangor dan Nilai, Negeri Sembilan.

Lokasi kajian melibatkan enam buah universiti iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Teknologi Mara (UiTM, Shah Alam) dan Universiti Sains Islam Malaysia. Inti pati kajian ini adalah untuk melihat pencapaian akademik pelajar mengikut gred PNG dan PNGK bagi mengetahui tahap pencapaian akademik sama ada cemerlang, kepujian atau lulus.

Seterusnya, kajian ini juga turut mengenal pasti pencapaian pelajar mengikut jantina dan juga bidang pengajian memandangkan penerima biasiswa ini terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan dalam pelbagai bidang.

## **1.6 Kajian Lepas**

### **1.6.1 Zakat dan Pendidikan**

Penulisan kajian lepas berkenaan dengan zakat mendapat tempat di kalangan sarjana. Tumpuan penulisan dalam pelbagai bidang ini menunjukkan zakat merupakan salah satu penyumbang ekonomi kepada umat Islam dan banyak memberi kesan kepada golongan asnaf yang telah menerima bantuan zakat. Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Radiah Abdul Kader,<sup>11</sup> membincangkan tentang peranan penting institusi zakat dalam mengutip dan mengagihkan zakat secara efisien. Institusi zakat merupakan sebuah entiti yang menjadi perantaraan di antara pembayar dan penerima zakat.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan tidak berpuas hati para pembayar zakat di Semenanjung Malaysia dan sebab-sebab berlakunya keadaan tersebut. Data-data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dan regresi logistik. Hasil kajian mendapati bahawa lebih separuh responden tidak berpuas hati dengan pengagihan zakat. Manakala sebab utama rasa tidak puas hati pembayar zakat ialah berkaitan dengan kaedah agihan yang tidak efektif dan kekurangan informasi yang jelas dalam pengagihan zakat.

---

<sup>11</sup> Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Radiah Abdul Kader, “Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas hati?”, *Jurnal Syariah* 17, no. 1, (2009), 89-90.

Untuk mengatasi rasa tidak puas hati pembayar zakat dengan pengagihan zakat antara cadangan yang diutarakan iaitu kutipan dan agihan zakat dilaksanakan oleh institusi zakat daripada pelbagai peringkat mengikut kawasan penduduk Islam. Selain itu, menerbitkan perakaunan zakat pada tahun tertentu secara rasmi sebagai maklumat kepada pembayar zakat dan perakaunan zakat perlu diaudit secara berterusan supaya tidak berlaku penyelewengan dalam pengurusan zakat. Institusi zakat perlu berusaha meningkatkan tahap profesionalisme pengurusan zakat untuk menambah keyakinan pembayar zakat. Apabila keyakinan pembayar zakat bertambah kesedaran membayar zakat adalah lebih tinggi. Akhirnya dana zakat bertambah dan secara langsung dapat meningkatkan lagi agihan zakat kepada asnaf.

Patmawati,<sup>12</sup> memfokuskan kepada keupayaan pengagihan zakat dalam pembangunan ekonomi umat Islam. Kajian ini mengemukakan fakta-fakta secara teoritikal dan bukti-bukti empirikal menggunakan model-model ekonomi sedia ada yang berkaitan. Teori-teori yang dikemukakan bertujuan untuk membuktikan bahawa agihan semula pendapatan melalui sistem pengagihan zakat yang berkesan akan mampu mengurangkan jurang pendapatan dan seterusnya membasmi kemiskinan. Untuk memastikan keberkesanan agihan zakat pelan tindakan yang komprehensif perlu ada. Ini melibatkan kerjasama dan komitmen yang padu daripada tiga kumpulan penting iaitu agensi zakat, penerima zakat dan kerajaan.

---

<sup>12</sup> Patmawati Hj. Ibrahim, “Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal,” *Jurnal Syariah* 16, no. 2, (2008), 223.

Pengagihan zakat kepada lapan golongan asnaf disebut secara jelas di dalam al-Quran. Kajian yang dibuat oleh Hairunnizam Wahid et al.,<sup>13</sup> terhadap 2500 responden mendapati bahawa terdapat banyak lebihan zakat yang tidak diagihkan kepada asnaf oleh institusi zakat di Malaysia. Kajian ini mendapati asnaf terbesar menerima agihan zakat ialah fisabilillah dan diikuti dengan fakir, miskin dan amil. Kajian juga mendapati ramai pembayar zakat tidak berpuas hati dengan kaedah pengagihan zakat dan mahu diagihkan dengan sebaik-baiknya agar wang lebihan zakat tersebut dapat diagihkan kepada asnaf ibnu sabil, al-gharimin dan al-riqab. Keadaan ini perlu diatasi dengan segera kerana bimbang pembayar zakat membayar terus kepada asnaf. Selain itu, kesan lebih teruk daripada rasa tidak puas hati ini kemungkinan akan mengurangkan kesedaran untuk membayar zakat dalam kalangan masyarakat Islam.

Mahyuddin dan Abdullah,<sup>14</sup> membincangkan tentang zakat dalam sistem ekonomi Islam berperanan untuk menjaga kebajikan sosial orang-orang Islam. Salah satu objektif utama zakat ialah membasmi kemiskinan. Menurut kajian ini pengagihan zakat terbahagi kepada dua keadaan. Pertama, agihan zakat untuk menampung kehidupan dalam jangka masa panjang kepada asnaf yang tidak produktif seperti tidak berupaya untuk bekerja dan mencari rezeki. Kedua, agihan dalam bentuk modal untuk menjalankan aktiviti yang menghasilkan pendapatan dan dapat meningkatkan taraf hidup asnaf. Bantuan dana zakat terutamanya kepada asnaf fakir dan miskin hendaklah memenuhi keperluan mereka sekurang-kurangnya pada tahap minimum untuk memenuhi keperluan *daruriyyat* dan

<sup>13</sup> Hairunnizam Wahid et al., “Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat Kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia” (Kertas Kerja, Seminar Kebangsaan Ekonomi Islam 2008/2009 Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 10-11 Februari 2009), 1-2.

<sup>14</sup> Mahyuddin Haji Abu Bakar dan Abdullah Hj. Abd. Ghani, “Towards Achieving the Quality of Life in the Management of Zakat Distribution to the Rightful Recipients (the Poor and Needy),” *International Journal of Business and Social Science* 2, no. 4 (2011), 243.

*hajiyyat* dalam kualiti hidup. Sekiranya para asnaf mencapai tahap minimum ini menerusi bantuan zakat ia menunjukkan bahawa maqasid syariah telah tercapai.

Mohammed,<sup>15</sup> mengkaji kesan perbelanjaan zakat dan pendidikan ke atas perkembangan ekonomi Malaysia menggunakan data-data daripada 14 buah negeri. Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun memberikan perhatian yang khusus dalam pendidikan bagi melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran bagi memenuhi keperluan dalam pelbagai sektor ekonomi. Hasilnya didapati bahawa berlaku peningkatan ketara dalam enrolmen pelajar di semua peringkat pendidikan sama ada peringkat rendah, menengah dan tinggi. Bukti-bukti empirikal daripada kajian ini menyokong hipotesis bahawa perbelanjaan zakat dan pendidikan menjadi penentu perkembangan ekonomi di Malaysia.

Perbelanjaan zakat dan enrolmen pelajar secara signifikan menjelaskan tentang variasi dalam pertumbuhan output sebenar yang mewakili pertumbuhan sebenar dalam KDNK. Oleh itu, kajian ini mencadangkan supaya negara-negara Islam meningkatkan keberkesanan dalam kutipan zakat dan membelanjakan wang zakat secara berhemah. Selain itu, pendidikan hendaklah diberi keutamaan dalam strategi pembangunan bagi menambah bilangan modal insan untuk mencapai pembangunan ekonomi yang mapan.

---

<sup>15</sup> Mohammed B. Yusoff, “Zakat Expenditure, School Enrolment, and Economic Growth in Malaysia,” *International Journal of Business and Social Science* 2, no. 6 (2011), 175.

### 1.6.2 Pencapaian Akademik

Kajian oleh Terry Saenz et.al,<sup>16</sup> mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang dikenal pasti mempunyai kaitan dengan kejayaan dan pengekalan golongan pelajar minoriti di pusat pengajian tinggi di Amerika Syarikat. Dalam kajian ini terdapat 13 pemboleh ubah sebagai indikator pengalaman kolej yang memberi kesan kepada PNG pelajar kolej. Salah satu indikator tersebut ialah sumber kewangan yang mencukupi. Didapati bahawa pelajar yang memasuki kolej dan mempunyai sumber kewangan yang mencukupi mampu meningkatkan prestasi akademik dan gigih dalam pelajaran. Ini kerana tanpa masalah kewangan para pelajar dapat memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pelajaran.

Bantuan kewangan kepada pelajar juga penting untuk memastikan para pelajar dapat menamatkan pengajian. Kajian oleh Sigal Alon,<sup>17</sup> berkenaan dengan keberkesanan bantuan kewangan dalam menggalakkan pelajar-pelajar berkulit hitam dan *hispanic* untuk kekal dan menamatkan pengajian di kolej dan universiti terpilih di Amerika Syarikat. Kajian ini bertujuan untuk meneroka sama ada jumlah bantuan wang yang banyak mempengaruhi peningkatan jumlah pelajar yang menamatkan pengajian. Kajian ini mendapati bahawa bantuan dalam bentuk geran dan biasiswa memberi kesan positif terhadap graduasi.

Selain itu, hasil kajian menunjukkan bahawa jumlah bantuan kewangan dapat mengurangkan perbezaan dalam menamatkan pengajian antara pelajar kulit putih dengan golongan minoriti.

---

<sup>16</sup> Terry Saenz et.al, “The Relationship Between College Experience and Academic Performance Among Minority Students,” *The International Journal of Educational Management* 13, no. 4 (1999), 201-202.

<sup>17</sup> Sigal Alon, “The Influence of Financial Aid in Levelling Group Differences in Graduating From Elite Institution,” *Economics of Education Review* 26 (2007), 296.

Kajian Robert H. Fenske et al.,<sup>18</sup> memfokuskan kepada bantuan kewangan dan kemajuan akademik pelajar daripada golongan minoriti, wanita dan pelajar yang miskin. Pelajar-pelajar ini mengikuti pengajian dalam bidang Sains, Kejuruteraan dan Matematik. Para pelajar dalam bidang Sains, Kejuruteraan dan Matematik paling ramai yang menamatkan pelajaran tetapi tempoh pengajian mereka lebih lama berbanding pelajar di bidang lain. Keadaan ini disebabkan oleh masalah kewangan yang dihadapi oleh pelajar menyebabkan mereka terpaksa mencari sumber pendapatan sampingan untuk menampung keperluan mereka.

Kajian oleh Norhidayah Ali et al.,<sup>19</sup> berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar di Universiti Teknologi MARA Kedah telah menyenaraikan tujuh faktor iaitu faktor demografi, pembelajaran aktif, kehadiran ke kelas, penglibatan dalam aktiviti kurikulum tambahan, pengaruh rakan sebaya dan penilaian kursus. Kajian ini mendapati bahawa lima faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar iaitu demografi, kehadiran, pembelajaran aktif, aktiviti kurikulum tambahan dan penilaian kursus. Kajian ini dilakukan terhadap pelajar-pelajar peringkat diploma menggunakan soal selidik. Hasil kajian mendapati pelajar-pelajar yang ibu bapa mempunyai pendidikan dan mempunyai pendapatan tinggi memperoleh keputusan peperiksaan yang cemerlang. Ini kerana ibu bapa mempunyai sumber kewangan untuk membantu anak-anak mereka. Justeru itu, para pelajar dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran dan tidak menghadapi masalah untuk membeli bahan-bahan pembelajaran.

---

<sup>18</sup> Robert H. Fenske et al., “ Tracking Financial Aid Persistence of Women, Minority, And Needy Students in Science, Engineering, and Mathematics,” *Research in Higher Education* 41, no. 1 (2000), 67.

<sup>19</sup> Norhidayah Ali et al., “The Factors Influencing Student’s Performance at University Teknologi MARA Kedah, Malaysia,” *Management Science and Engineering* 3, no. 4 (2009), 86.

Ervina Alfan dan Md Nor Othman,<sup>20</sup> pula melihat pencapaian akademik pelajar ijazah pertama di Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya. Pencapaian akademik pelajar ini diukur menggunakan PNGK semester akhir. Mengikut kajian ini, mata pelajaran Matematik di peringkat SPM dan Ekonomi di peringkat STPM mempunyai kaitan dengan pencapaian akademik pelajar di peringkat ijazah pertama dalam bidang Perniagaan dan Perakaunan. Melalui analisis regresi, 47.6 peratus pemboleh ubah yang diguna dalam kajian ini mempunyai kaitan dengan pencapaian akademik di universiti. Manakala, pemboleh ubah yang tidak dikenal pasti seperti aktiviti kokurikulum, kehadiran ke kuliah dan pengaruh rakan sebaya yang dilihat mampu memberi kesan kepada PNGK pelajar ialah 52.4 peratus. Ini memberikan ruang kepada pengkaji lain membuat kajian berdasarkan pemboleh ubah tersebut. Selain itu, pelajar perempuan menunjukkan pencapaian akademik lebih baik daripada pelajar lelaki.

Daripada artikel-artikel ini dapat disimpulkan bahawa peruntukan masa belajar yang berkualiti boleh ditingkatkan sekiranya pelajar tidak lagi dibebankan dengan masalah kewangan. Para pelajar yang mempunyai sumber kewangan semasa belajar dijangkakan akan lebih berjaya dalam pelajaran kerana dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada pelajaran.

---

<sup>20</sup> Ervina Alfan dan Md Nor Othman, “Undergraduate Students’ Performance: the Case of University of Malaya,” *Quality Assurance in Education* 13, no.4 (2005), 338-339.

Rafidah Kamarudin et al.,<sup>21</sup> melihat hubungan prestasi akademik dengan stres yang dialami pelajar yang sedang mengikuti program Pra Diploma Sains selama satu atau dua semester di Universiti Teknologi Mara (UITM), kampus Negeri Sembilan. Objektif program ini adalah untuk membantu para pelajar yang lemah terutamanya melibatkan subjek Sains sebelum mereka mengikuti program diploma nanti. Terdapat beberapa faktor penyumbang kepada stres ini termasuklah beban kursus, kewangan, masalah dengan teman sebilik, aktiviti sosial dan terlalu banyak tidur. Soal selidik telah diedarkan kepada pelajar melalui tiga peringkat iaitu sebulan selepas semester bermula (permulaan), minggu pertama selepas cuti semester (pertengahan) dan selepas peperiksaan akhir semester (akhir). Berdasarkan kajian ini didapati bahawa pelajar mengalami stres tetapi pada tahap sederhana.

Berdasarkan laporan daripada Jabatan Hal Ehwal Akademik 66.2 peratus memperoleh nilai purata gred melebihi 3.00. Ini menunjukkan bahawa pencapaian akademik pelajar memuaskan. Artikel ini turut memberikan cadangan untuk mengatasi masalah kewangan yang dihadapi pelajar diatasi dengan kerjasama ibu bapa. Di mana ibu bapa seharusnya mempunyai kefahaman terhadap perancangan kewangan supaya mereka dapat mendidik anak-anak merancang kewangan semasa belajar. Selain itu disarankan juga supaya pihak penaja dapat mengeluarkan wang biasiswa dan pinjaman mengikut jadual yang telah dirancang kepada para pelajar dan pihak universiti. Jika berlaku kelewatan menerima wang pelajar terpaksa meminta bantuan ibu bapa dan sudah pasti ini akan membebangkan mereka.<sup>22</sup>

---

<sup>21</sup> Rafidah Kamarudin et al., “Stress and Academic Performance: Empirical Evidence From University Students,” *Academy of Educational Leadership Journal* 13, no.1 (2009), 44.

<sup>22</sup> Ibid., 45.

J Navarra-Madsen, RA Bales dan DAL Hynds,<sup>23</sup> mengkaji peranan biasiswa dalam meningkatkan kadar kejayaan pelajar dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di Universiti Wanita Texas (TWU) yang dianugerahkan biasiswa oleh Yayasan Sains Nasional (NSF). Pemberian Geran ini bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar cemerlang yang memerlukan bantuan kewangan dan sokongan. Harapannya mereka ini dapat menamatkan pengajian dengan jaya dan akan melanjutkan pelajaran dalam bidang yang berkaitan dengan STEM di peringkat pasca siswazah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar yang menerima geran NSF menunjukkan peningkatan dalam pencapaian akademik yang menggunakan PNG sebagai ukuran berbanding dengan pelajar yang bukan tajaan.<sup>24</sup>

### 1.6.3 Penggunaan Wang

Banyak kajian dilaksanakan bagi mengenal pasti sikap seseorang terhadap wang. Sikap seseorang terhadap wang akan memberi kesan ke atas penggunaan wang yang diperoleh. Kajian tentang sikap terhadap wang dilaksanakan oleh Vivien K.G.Lim dan Thompson S.H.Teo<sup>25</sup> ke atas 152 orang pelajar ijazah pertama yang pernah mengikuti kelas-kelas pengurusan di Universiti Nasional Singapura dan mereka ini pernah berhadapan dengan masalah kewangan sebelum ini. Kajian ini mengesahkan dapatan Wernimont dan Fitzpatrick's (1972) yang mengatakan bahawa sikap individu terhadap wang dipengaruhi oleh pengalaman seseorang yang berhadapan dengan masalah kewangan. Dari segi jantina

<sup>23</sup> J Navarra-Madsen, RA Bales dan DAL Hynds, "Role of Scholarships in Improving Success Rates of Undergraduate Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) Majors," *Procedia Social and Behavioral Sciences* 8, (2010), 458.

<sup>24</sup> Ibid, 461.

<sup>25</sup> Vivien K.G.Lim dan Thompson S.H.Teo, "Sex, Money and Financial Hardship: An Empirical Study of Attitudes Towards Money Among Undergraduates in Singapore," *Journal of Economic Psychology* 18 (1997), 384-385.

didapati bahawa lelaki cenderung melihat wang sebagai satu perbandingan dan penilaian. Umur seseorang juga mempunyai kaitan dengan sikap terhadap wang. Lebih berumur seseorang mereka lebih bimbang soal kewangan kerana banyak tanggungjawab yang perlu dilaksanakan (seperti anak-anak, ahli keluarga, persaraan, gadai janji) dan mereka mempunyai kekurangan masa untuk menyimpan lebih banyak wang. Manakala golongan muda yang sebahagiannya pelajar mempunyai tempoh masa yang panjang untuk merancang kewangan mereka.

Manakala kajian oleh Paul Morgan Baker dan Robert B. Hagedorn,<sup>26</sup> menumpukan kepada faktor analisis mengenai tingkah laku terhadap wang dengan menggabungkan skala pengukuran yang dibina oleh Yamauchi dan Templer “*Money Attitude Scale (MAS)*” dan skala “*Money Belief and Behavior Scale*” (MBBS) yang dibina oleh Furnham. Responden adalah terdiri daripada golongan dewasa yang dipilih secara rawak di bandar besar, Kanada. Dapat dirumuskan bahawa umur, jantina, pendapatan, dan pendidikan mempunyai hubungan yang kuat dan konsisten dengan dapatan kajian sebelumnya. Umur dilihat mempunyai hubungan yang paling kuat ke atas empat faktor tersebut.

Kedua-dua artikel ini menerangkan tentang sikap terhadap wang dan ini boleh dikaitkan pelajar yang menerima biasiswa. Ini kerana kemungkinan terdapat segelintir pelajar yang ibu bapa mereka dikategorikan sebagai golongan kaya, sederhana dan miskin. Justeru corak penggunaan wang di kalangan pelajar ini juga berbeza.

---

<sup>26</sup> Paul Morgan Baker dan Robert B. Hagedorn, “Attitudes to Money in a Random Sample of Adults: Factor Analysis of the MAS and MBBS Scale, and Correlations with Demographic Variables,” *The Journal of Socio-Economics* 37, (2008), 1803.

Menurut Mintel (1999a) dalam kajian Mitchell Nes et al.,<sup>27</sup> menjelaskan bahawa masalah kewangan sering menimpa para pelajar. Kebiasaannya pembiayaan pelajar datang daripada sumber yang pelbagai seperti pinjaman, geran, ibu bapa atau saudara mara, kerja sampingan, pelaburan dan simpanan, kerja sepenuh masa dan biasiswa. Mintel telah mengenal pasti dua jenis kumpulan pelajar berdasarkan kepada pembiayaan sendiri dan kekangan kewangan bagi pelajar yang ditaja. Secara asasnya segmen-segmen ini mempunyai pengertian dan ciri-ciri seperti berikut;

- a. Dibayangi Kemewahan (Smugly sheltered)-pelajar yang dibiayai sepenuhnya berasaskan kemewahan ibu bapa dan membolehkan pelajar menggunakan pembiayaan dengan selesa.
- b. Pembiayaan Unit Amanah (Trust Fund Kids)-pelajar yang dibiayai berasaskan pemberian biasiswa atau hasil pelaburan.
- c. Kemampuan Pembiayaan Kendiri (Strongly Self Sufficient)-pelajar yang membiayai sendiri pembelajaran tanpa menerima sebarang bantuan kewangan daripada ibu bapa atau mana-mana pihak.
- d. Pembiayaan kendiri dengan bantuan (Independent but cushioned)-pelajar yang membiayai pembelajaran dengan menerima bantuan daripada pelbagai pihak serta ibu bapa.
- e. Pembiayaan terhad ibu bapa (Parentally restricted)-pelajar yang dibiayai oleh ibu bapa namun kurang mencukupi bagi memenuhi keperluan kegiatan sosial.

---

<sup>27</sup> Mitchell Nes et al., “The Student Food Shopper Segmentation on the Basis of Attitudes to Store Features and Shopping Behaviour,” *British Food Journal* 104, no. 7 (2002), 507.

Pembahagian ini dibuat untuk melihat kecenderungan pelajar menggunakan wang yang diperoleh daripada ibu bapa, biasiswa atau pelaburan dan pembiayaan sendiri. Didapati bahawa pelajar banyak menghabiskan wang untuk membeli makanan disebabkan oleh mereka tinggal berjauhan dengan keluarga. Walaupun kajian ini dilaksanakan di luar negara, dijangkakan keadaan yang serupa berlaku ke atas pelajar di Malaysia kerana pelajar yang menjelaskan kaki ke universiti terpaksa berjauhan dengan ibu bapa kerana menginap di asrama atau kolej mahupun menyewa rumah di luar.

## **1.7 Metodologi Kajian**

Kajian ini mengandungi dua peringkat metodologi kajian iaitu pengumpulan data dan analisis data untuk mencapai objektif kajian.

### **1.7.1 Pengumpulan Data**

Sumber pengumpulan data dalam kajian ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu data sekunder dan data primer. Data-data sekunder diperoleh daripada jurnal, buku, tesis, kertas seminar, internet dan laporan tahun. Maklumat dan data sekunder digunakan untuk mengumpul dan meneliti hasil kajian lepas tentang prestasi akademik, zakat dan penggunaan wang serta untuk mendapatkan maklumat tentang institusi zakat yang menyalurkan bantuan kepada golongan asnaf yang berkaitan. Manakala data-data primer diperoleh melalui kajian lapangan menggunakan soal selidik terhadap populasi kajian yang telah disasarkan.

a. Populasi kajian

Secara keseluruhannya bilangan pelajar yang masih menerima Biasiswa MAIWP pada tahun 2010 seramai 89 orang dan kini sedang melanjutkan pengajian di 16 buah IPTA sebagaimana dipaparkan dalam jadual 1.1 di bawah ini.

Jadual 1.1: Senarai Nama IPTA dan Bilangan Pelajar yang Masih Menerima Biasiswa MAIWP Tahun 2010

| Bil    | Nama Universiti                              | Bilangan pelajar |
|--------|----------------------------------------------|------------------|
| 1      | Universiti Malaya (UM)                       | 19               |
| 2      | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA) | 11               |
| 3      | Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)         | 5                |
| 4      | Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)       | 5                |
| 5      | Universiti Kuala Lumpur (UniKL)              | 1                |
| 6      | Universiti Teknologi MARA (UiTM)             | 25               |
| 7      | Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)     | 2                |
| 8      | Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)          | 1                |
| 9      | Universiti Malaysia Pahang (UMP)             | 3                |
| 10     | Universiti Sains Malaysia (USM)              | 2                |
| 11     | Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)   | 1                |
| 12     | Universiti Utara Malaysia (UUM)              | 2                |
| 13     | Universiti Teknologi Malaysia (UTM)          | 7                |
| 14     | Universiti Tun Hussein Onn (UTHM)            | 2                |
| 15     | Universiti Teknologi Petronas (UTP)          | 1                |
| 16     | Universiti Putra Malaysia (UPM)              | 2                |
| Jumlah |                                              | 89               |

Sumber: Baitulmal, MAIWP.

Kajian ini hanya melibatkan penerima Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang di IPTA sekitar Kuala Lumpur, Selangor dan Nilai, Negeri Sembilan yang berjumlah 53 orang dan merupakan responden dalam kajian ini. Daripada jumlah responden di atas terdapat 5 orang pelajar yang mengikuti kursus perubatan, 2 orang pelajar mengikuti pengajian di peringkat

PhD, 1 orang pelajar melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan 2 orang pelajar telah menerima biasiswa daripada Jabatan Perkhidmatan Awam. Jumlah keseluruhan populasi yang tinggal ialah seramai 43 orang.

b. Subjek kajian

Semua populasi terlibat sebagai subjek kajian memandangkan bilangan populasi adalah sedikit sahaja iaitu 43 orang. Oleh itu kajian dijalankan secara sensus ataupun binci di mana semua populasi seramai 43 orang telah diberikan borang soal selidik sebagai responden dalam kajian ini. Setelah mendapat maklum balas daripada responden didapati bahawa 10 orang pelajar tidak mengembalikan borang soal selidik yang telah diedarkan. Oleh itu, hanya 33 orang responden memenuhi kriteria sebagai subjek kajian dan data-data daripada mereka dianalisis untuk mencapai objektif kajian. Ciri-ciri yang terdapat pada 33 orang responden ini ialah:

- i. Pelajar yang masih menerima Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang sehingga tahun 2010.
- ii. Pelajar yang mengikuti pengajian di IPTA sekitar negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Nilai, Negeri Sembilan.
- iii. Keputusan peperiksaan berdasarkan penilaian gred PNG dan PNGK. Ini kerana terdapat keputusan peperiksaan pelajar berdasarkan penilaian gred A, B, C dan D seperti pelajar dalam bidang perubatan.
- iv. Tahap pengajian di peringkat diploma dan ijazah pertama sahaja.

### 1.7.2 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai kaedah utama untuk mendapatkan data daripada para pelajar. Borang soal selidik yang disediakan telah dibahagikan kepada lima bahagian seperti berikut, bahagian A: bahagian ini dikhususkan untuk mendapatkan maklumat latar belakang demografi responden berkaitan dengan jantina, umur, nama universiti, tahap dan bidang pengajian, jumlah biasiswa, penginapan dan keputusan peperiksaan. Selain itu terdapat juga maklumat berkenaan dengan pendidikan, pendapatan dan pekerjaan ibu bapa responden. Bahagian B: bahagian ini dibahagikan kepada dua iaitu maklumat berkenaan dengan akademik dan kesan bantuan Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang terhadap kewangan pelajar.

Bahagian C: bahagian ini mengandungi maklumat bagaimana responden menggunakan wang biasiswa yang telah diterima. Selain itu, turut dimuatkan maklumat sama ada wang biasiswa yang diterima cukup untuk menampung pengajian responden di universiti. Bahagian D: bahagian ini bertujuan untuk mendapatkan data berkenaan dengan pemantauan yang dilakukan oleh pegawai Baitulmal terhadap pencapaian akademik dan penggunaan wang biasiswa responden. Bahagian E: bahagian ini mengandungi maklumat berkenaan dengan sahsiah diri pelajar dan cadangan responden untuk penambahbaikan bantuan Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang. Keseluruhan item-item dalam soal selidik ini telah diringkaskan seperti jadual 1.2.

Jadual 1.2 : Ringkasan Pembahagian Item-item Soal Selidik.

| Bahagian | Tajuk                                                                            | No. Soalan   |
|----------|----------------------------------------------------------------------------------|--------------|
| A        | Latar belakang responden                                                         | 1 hingga 19  |
| B        | Akademik                                                                         | 20 hingga 26 |
|          | Kesan bantuan Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang terhadap kewangan pelajar | 27 hingga 33 |
| C        | Corak penggunaan wang Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang                   | 34 hingga 39 |
| D        | Pemantauan oleh pegawai Baitulmal MAIWP                                          | 40 hingga 44 |
| E        | Pandangan tentang sahsiah pelajar                                                | 45 hingga 52 |

Sumber: Soal selidik, 2010.

Untuk mendapatkan data berkaitan dengan pandangan responden terhadap item-item soalan, skala likert lima mata (*five point likert scale*) digunakan untuk mengukur tahap persetujuan terhadap item-item.

### 1.7.3 Lokasi Kajian

Lokasi kajian difokuskan kepada Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan enam buah Universiti Awam yang terletak di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Nilai, Negeri Sembilan. Universiti-universiti tersebut adalah Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam dan Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.

#### 1.7.4 Ujian Rintis Dan Tahap Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Ujian rintis telah dilaksanakan pada bulan Jun 2010 melibatkan 15 orang pelajar IPTA yang menerima biasiswa Baitulmal Insentif Khas Pelajar Cemerlang di luar Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Nilai, Negeri Sembilan. Hasil daripada ujian rintis yang dibuat soal selidik dapat difahami oleh responden dan boleh digunakan untuk mendapatkan data. Selain itu, item-item soal selidik telah disemak dan dirujuk oleh pakar dalam bidang ekonomi zakat dan pegawai daripada Baitulmal untuk meningkatkan lagi tahap kesahan.

#### 1.7.5 Prosedur Kajian

Borang-borang soal selidik yang disiapkan telah dirujuk dengan pakar dalam bidang ekonomi zakat iaitu Dr. Patmawati bt Hj. Ibrahim<sup>28</sup> dan En. Ahmad Fadli bin Adam daripada Baitulmal MAIWP iaitu pegawai yang bertanggungjawab menguruskan bantuan kewangan bagi pelajar di IPTA/IPTS. Ujian rintis telah dilaksanakan terlebih dahulu sebelum diedarkan kepada para responden. Borang soal selidik diedarkan kepada responden melalui perkhidmatan mel elektronik (*e-mail*) bagi mendapatkan data. Penggunaan e-mel ini dilihat berkesan kerana sebahagian besar responden telah menamatkan pengajian masing-masing. Di samping itu, dapat menjimatkan masa dan wang pengkaji dan juga responden. Borang jawapan soal selidik yang telah lengkap diisi oleh responden telah disemak terlebih dahulu oleh pengkaji. Sekiranya didapati borang jawapan tidak lengkap responden diminta untuk melengkapkan semula.

---

<sup>28</sup> Pensyarah Kanan dan pakar dalam bidang ekonomi zakat , Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

### **1.7.6 Analisis Data**

Data-data yang diperoleh daripada soal selidik dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS Versi 16.0. Hasil dapatan kajian dipaparkan menggunakan jadual dan rajah supaya kelihatan lebih jelas dan mudah difahami.

## **1.8 Sistematika Penulisan.**

### **Bab 1: Pengenalan**

Bab ini mengandungi latar belakang kajian berkenaan dengan pencapaian akademik penerima Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang yang menerima bantuan daripada Baitulmal. Bab ini mengandungi latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian dan skop kajian. Untuk memantapkan lagi kajian ini, kajian-kajian lepas yang berkaitan turut dimasukkan. Selain itu, bab ini juga turut dimuatkan dengan metodologi kajian iaitu kaedah pengumpulan data dan analisis data.

### **Bab 2: Asnaf Fisabilillah**

Bab ini mengandungi huraihan tentang zakat secara ringkas dari sudut pengertian dan konsep agihan untuk menambahkan lagi kefahaman terhadap bab ini. Kemudian, bab ini juga menghuraikan konsep asnaf fisabilillah menurut ulama silam dan kontemporari dan juga membincangkan penggunaan istilah fisabilillah dalam konteks hari ini.

### Bab 3: Pentadbiran Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Bab ini akan menumpukan kepada sejarah penubuhan MAIWP selaku badan yang bertanggungjawab mentadbir zakat di Wilayah Persekutuan. Selain itu, objektif, strategi dan bahagian MAIWP juga diterangkan. Bab ini juga menjelaskan tentang skim bantuan yang disediakan kepada para asnaf. Selanjutnya bab ini memaparkan sumber pendapatan dan perbelanjaan MAIWP sehingga 2011. Akhir sekali, bab ini memfokuskan kepada bahagian Baitulmal yang terlibat dalam memberikan bantuan biasiswa kepada pelajar cemerlang.

### Bab 4: Dapatan dan Analisis Kajian

Bab ini mengandungi analisis tahap pencapaian akademik penerima biasiswa keseluruhannya. Selain itu, analisis pencapaian akademik mengikut jantina dan bidang turut dilakukan.

### Bab 5: Kesimpulan dan Cadangan

Bab ini mengandungi rumusan berdasarkan analisis pencapaian akademik, penggunaan wang biasiswa dan pemantauan terhadap penerima biasiswa MAIWP. Beberapa cadangan turut dikemukakan untuk penambahbaikan dalam urusan bantuan kewangan pelajar.

## **1.9 Penutup**

Baitulmal MAIWP melalui skim bantuan biasiswa kepada asnaf fisabilillah telah membantu para pelajar dalam masalah kewangan. Melalui skim bantuan ini para pelajar dapat menumpukan perhatian kepada pelajaran dan mampu memperoleh pencapaian cemerlang dalam akademik. Ini kerana pelajar tidak lagi menghadapi masalah kewangan dari segi yuran pengajian, membeli bahan-bahan pembelajaran dan keperluan harian yang lain kerana bantuan biasiswa mencakupi semua keperluan ini. Usaha pihak Baitulmal sangat bersesuaian dengan iklim pendidikan hari ini. Pada masa kini, peluang para pelajar untuk mendapatkan biasiswa yang disediakan oleh pihak kerajaan sangat terhad kerana persaingan yang sengit dengan pelajar lain. Adalah wajar peluang yang diberikan oleh pihak Baitulmal ini digunakan dengan sebaik-baiknya oleh para pelajar demi kecemerlangan dalam pelajaran.